



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan

BNM

Vol. 36 No. 4

Suku Keempat 2021


S4



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.



Kandungan


- MS 5** Sorotan Penting
- MS 7** Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
- MS 11** Perkembangan Ekonomi Malaysia
- MS 29** Perkembangan Monetari dan Kewangan
- MS 35** Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia
- MS 39** Tinjauan Makroekonomi
- MS 41** Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.


Sorotan Penting: S4 2021

KDNK berkembang berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan pada S4 2021

Pertumbuhan KDNK kembali pulih kepada 3.6%




Aktiviti dalam negeri bertambah baik secara beransur-ansur manakala perdagangan luar negeri kekal kukuh



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, IHS Markit dan Tenaga Nasional Berhad

Inflasi keseluruhan meningkat pada S4 2021, didorong terutamanya oleh tamatnya diskaun bil elektrik



Pemacu utama kenaikan inflasi pada S4 2021



Harga ditadbir tidak termasuk bahan api
Harga elektrik kembali normal susulan tamatnya diskaun bil elektrik*



Barangan yang harganya tidak menentu
Harga makanan segar meningkat didorong oleh kos input yang lebih tinggi



Inflasi teras
Peningkatan dalam inflasi teras (S421: 0.8%; S321: 0.7%) disebabkan oleh keadaan permintaan yang lebih baik dalam keadaan kos yang tinggi

* Diskaun bil elektrik dilaksanakan di bawah skim Diskaun Elektrik PEMULIH dari bulan Julai hingga September 2021, dengan diskaun antara 5% hingga 40% bergantung pada penggunaan elektrik bulanan.

** Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan


- Pertumbuhan global terus pulih pada suku keempat tahun 2021.
- Eksport serantau menjadi sederhana tetapi kekal kukuh.
- Volatiliti pasaran kewangan global meningkat.

Pertumbuhan global terus pulih

Ekonomi global terus pulih pada suku keempat tahun 2021. Aktiviti perkhidmatan pada mulanya bertambah baik apabila ekonomi-ekonomi maju dibuka semula. Walau bagaimanapun, momentum pemulihan terjejas berikutan langkah-langkah untuk membendung penularan semula jangkitan COVID-19 di beberapa negara menjelang akhir suku keempat. Penularan semula ini juga mengurangkan keyakinan pengguna dan seterusnya menjejaskan aktiviti perkhidmatan. Aktiviti perkilangan dan perdagangan terus kukuh berikutan tanda-tanda awal gangguan bekalan global yang berkurangan. Namun begitu, ketegangan dalam rantaian bekalan global kekal tinggi.

R1 Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan ekonomi AS meningkat kepada 5.5% (S3 2021: 4.9%), disokong oleh peningkatan yang meluas dalam penggunaan swasta. Hal ini disokong oleh pertumbuhan upah dan keadaan pasaran pekerja yang kukuh. Eksport meningkat semula, dipacu oleh ketibaan pelancong apabila sempadan antarabangsa dibuka kembali dan pengeluaran semula barangan petrokimia yang terganggu akibat Hurricane Ida. Inflasi meningkat pada suku keempat apabila keadaan permintaan bertambah baik dan harga komoditi kekal tinggi.

Di kawasan euro, ekonomi meningkat sebanyak 4.6% (S3 2021: 3.9%), disokong oleh sektor perkhidmatan yang terus kembali normal apabila kegiatan ekonomi dibuka semula sepenuhnya pada awal suku keempat. Walau bagaimanapun, langkah-langkah pembendungan yang diperketatkan semula berikutan peningkatan kes COVID-19 pada bulan November dan Disember telah menjejaskan mobiliti dan kekukuhan pemulihan ekonomi. Aktiviti perkilangan terus disokong oleh permintaan luar negeri.

Di China, pertumbuhan menjadi sederhana kepada 4% (S3 2021: 4.9%). Hal ini disokong oleh peningkatan dalam aktiviti perkilangan selepas gangguan bekalan elektrik berkurang berikutan peningkatan dalam pengeluaran arang. Permintaan luar negeri terus menyokong pertumbuhan eksport yang kukuh. Walau bagaimanapun, aktiviti perkhidmatan telah menjejaskan pertumbuhan disebabkan oleh pelaksanaan semula sekatan pergerakan setempat bagi mengekang penularan COVID-19. Pertumbuhan juga lembab disebabkan oleh kelemahan yang berterusan dalam pelaburan tetap, terutamanya infrastruktur dan harta tanah.


Pertumbuhan eksport serantau kekal kukuh

Eksport ekonomi serantau terus meningkat pada kadar yang kukuh pada suku keempat. Hal ini mencerminkan pemulihan permintaan global yang berterusan, terutamanya bagi produk elektrik dan elektronik (E&E). Pengeksporn komoditi, seperti Indonesia dan Malaysia, turut mendapat manfaat

R2


Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Indeks



Sumber: Bloomberg

daripada peningkatan harga komoditi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport terjejas disebabkan oleh gangguan rantai bekalan global yang berterusan, termasuk kekurangan bahan mentah dan pekerja, dan kekangan perkapalan.

Volatiliti pasaran kewangan global meningkat

Volatiliti pasaran kewangan global meningkat pada suku keempat (CBOE VIX: 19.3; S3 2021: 18.3). Hal ini mencerminkan ketidakpastian yang timbul semula berikutan kemunculan dan penularan varian Omicron. Tambahan pula, beberapa ekonomi utama telah mengalami peningkatan ketara dalam kes COVID-19 yang menyebabkan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan semula yang lebih ketat. Lonjakan dalam volatiliti diperhatikan semasa pengumuman penunjuk pasaran pekerja AS. Data yang disiarkan telah meningkatkan

ketidakpastian berhubung dengan kadar dasar monetari yang lebih ketat di AS sebelum Federal Open Market Committee (FOMC) mengumumkan keputusannya pada 15 Disember. Kemungkinan korporat dalam sektor harta tanah China dan hubungan AS dan China yang semakin tegang berikutan penyahsenaraian beberapa syarikat China yang tersenarai di AS turut menjejaskan sentimen pelabur.

Purata harga minyak mentah Brent meningkat kepada USD80 setong pada suku keempat (purata S3 2021: USD73 setong). Permintaan minyak global terus meningkat, meskipun terdapat kebimbangan berikutan kemunculan varian Omicron pada akhir bulan November 2021. Harga minyak turut disokong oleh pemotongan pengeluaran OPEC+ yang sedang dilaksanakan, walaupun dengan pengumuman AS untuk mengeluarkan sehingga 50 juta tong minyak dari rizab petroleum strategiknya.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan

- Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6% pada suku keempat tahun 2021.
- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.2% pada suku keempat.
- Lebih akaun semasa lebih besar sebanyak RM15.2 bilion atau 3.6% daripada KDNK.


Pertumbuhan KDNK kembali pulih pada suku keempat tahun 2021

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.6% pada suku keempat tahun 2021 (S3 2021: -4.5%). Pertumbuhan disokong terutamanya oleh peningkatan permintaan dalam negeri apabila kegiatan ekonomi kembali normal berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN). Peningkatan ini juga mencerminkan pemulihan dalam pasaran pekerja serta sokongan dasar yang berterusan. Selain itu, permintaan luar negeri yang kukuh berikutan kitaran teknologi global yang berterusan meningkatkan lagi pertumbuhan. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan, diterajui oleh sektor perkhidmatan dan sektor perkilangan. Dari segi permintaan, pertumbuhan didorong oleh penggunaan dan aktiviti perdagangan yang lebih tinggi. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan peningkatan sebanyak 6.6% (S3 2021: -3.6%).

R4

Pertumbuhan KDNK Benar


Perubahan dalam tempoh (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R5


Pertumbuhan Tahunan KDNK Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R6

Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan merentas seluruh sektor ekonomi

Semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan pada suku keempat tahun 2021. Sektor perkhidmatan pulih kembali dan berkembang sebanyak 3.2% (S3 2021: -4.9%). Aktiviti berkaitan pengguna terus pulih berikutan pembukaan semula ekonomi. Hal ini mencerminkan pembelanjaan yang lebih tinggi yang diperhatikan dalam subsektor runcit, dan rekreasi. Subsektor kewangan dan insurans juga terus berkembang, didorong terutamanya oleh premium insurans bersih yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi terus memberikan sokongan berikutan permintaan yang berterusan untuk perkhidmatan data komunikasi, terutamanya bagi aktiviti e-dagang dan e-pembayaran.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 9.1% (S3 2021: -0.8%). Hal ini didorong oleh kekukuhan yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport seperti E&E dan kelompok berkaitan sumber serta pemulihan dalam industri berorientasikan dalam negeri seperti kelompok berkaitan pengguna dan pembinaan. Permintaan untuk produk E&E terus mantap sepanjang suku keempat sejajar dengan kitaran teknologi yang berterusan. Sementara itu, pertumbuhan dalam kluster berkaitan sumber disokong oleh permintaan berterusan terhadap produk petroleum, kimia dan plastik. Dari segi faktor dalam negeri, pelonggaran langkah-langkah

pembendungan dan keyakinan pengguna yang meningkat berikutan kemajuan yang mantap dalam pemberian vaksin membantu memulihkan permintaan bagi produk pengguna seperti makanan, pakaian dan kenderaan.


Sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.8% (S3 2021: -1.9%). Pertumbuhan yang kembali pulih ini didorong terutamanya oleh perkembangan dalam pengeluaran minyak sawit apabila hasil tandan buah segar meningkat disebabkan hujan lebat pada awal tahun 2021. Pertumbuhan juga disokong oleh perkembangan dalam subsektor ternakan, pertanian lain dan perhutanan. Keadaan ini lebih daripada mengimbangi pengeluaran subsektor getah dan perikanan yang lebih rendah.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan meningkat dengan kadar penguncupan lebih perlahan sebanyak 12.2% (S3 2021: - 20.6%). Pertumbuhan ini disokong oleh kerja-kerja pembinaan yang lebih tinggi, terutamanya dalam subsektor bukan kediaman dan pertukangan khas susulan pembukaan semula sektor ekonomi.

Sektor perlombongan menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.9% (S3 2021: -3.6%). Meskipun terdapat penutupan beberapa loji untuk kerja penyelenggaraan pada suku keempat, pertumbuhan disokong oleh pengeluaran minyak dan gas yang lebih tinggi termasuk daripada PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas Dua (PFLNG2) di luar pesisir Sabah dan Sarawak.

R7


Pertumbuhan Tahunan KDNK Benar Mengikut Komponen Perbelanjaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R8

Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri lebih tinggi

Permintaan dalam negeri meningkat sebanyak 2.3% (S3 2021: -4.1%) pada suku keempat tahun 2021. Hal ini dipacu terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan sektor swasta susulan pelonggaran sekatan pergerakan. Dalam sektor luaran, eksport bersih berkembang sebanyak 2.6% (S3 2021: -37.5%) disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang lebih tinggi berikutan permintaan luaran yang kukuh.

Pertumbuhan penggunaan swasta kembali pulih dengan mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 3.7% (S3 2021: -4.2%). Pemulihan ini disokong terutamanya oleh pelonggaran langkah-

langkah pembendungan. Khususnya, perbelanjaan ke atas barangan budi bicara seperti perkhidmatan restoran, hotel dan rekreasi kembali pulih pada suku keempat. Keadaan pasaran pekerja juga bertambah baik seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan pekerjaan dan upah yang lebih kukuh. Seterusnya, pelbagai langkah dasar memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan pengguna.

Pertumbuhan penggunaan awam berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.3% (S3 2021: 8.1%), disebabkan oleh pertumbuhan yang sederhana dalam perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan kerajaan terus disokong oleh perbelanjaan berkaitan COVID-19 serta kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil.

Aktiviti pelaburan bertambah baik

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan penguncupan yang lebih kecil sebanyak 3.3% pada suku keempat (S3 2021: -10.8%), mencerminkan perbelanjaan modal oleh sektor swasta dan sektor awam yang lebih baik. Dari segi jenis aset, pertumbuhan pelaburan untuk jentera dan kelengkapan (M&E) terus meningkat kepada 16.4% (S3 2021: 10.2%). Manakala pelaburan dalam struktur dan aset-aset lain pula masing-masing menurun sebanyak 15.5% dan 3.1% (S3 2021: masing-masing -26.1% dan 8.3%).


Pertumbuhan pelaburan swasta menguncup pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.0% (S3 2021: -4.8%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi bagi peralatan pengangkutan dan peralatan ICT, terutamanya oleh syarikat dalam sektor berorientasikan eksport. Seterusnya, pelaburan dalam struktur juga mencatatkan penguncupan yang lebih kecil, sejajar dengan prestasi sektor pembinaan.

Pelaburan awam mencatatkan penurunan yang lebih kecil sebanyak 3.8% (S3 2021: -28.9%), disokong oleh perbelanjaan modal oleh Kerajaan Am dan syarikat awam yang lebih baik.

R9

Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan meningkat pada suku keempat

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.2% pada suku keempat (S3 2021: 2.2%). Inflasi yang lebih tinggi pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh harga elektrik yang kembali ke paras asal, susulan tamatnya pemberian diskaun bil elektrik selama tiga bulan yang mula dilaksanakan pada bulan Julai 2021.¹ Selain itu, harga yang lebih tinggi bagi beberapa barangan teras dan barangan yang harganya tidak menentu turut menyumbang kepada peningkatan inflasi tersebut. Inflasi yang lebih tinggi


bagi barangan-barangan ini mencerminkan keadaan permintaan yang bertambah baik dalam persekitaran kos yang meningkat.

Seiring dengan pembukaan semula ekonomi, inflasi teras meningkat sedikit dengan purata 0.8% pada suku keempat (S3 2021: 0.7%). Kenaikan tersebut sebahagian besarnya disumbangkan oleh barangan budi bicara seperti *makanan di luar rumah, restoran dan hotel* serta *perabot dan hiasan rumah*. Selain itu, beberapa barangan pengguna dalam kumpulan IHP bukan teras, khususnya barangan makanan segar, mencatatkan inflasi yang tinggi secara relatif disebabkan oleh faktor bermusim dan tekanan kos akibat gangguan berkaitan bekalan.²

R10

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan, mp)




* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

¹ Diskaun bil elektrik dilaksanakan di bawah skim Diskaun Bil Elektrik PEMULIH mulai bulan Julai hingga September 2021, dengan diskaun antara 5% hingga 40% bergantung pada penggunaan elektrik bulanan.

² Contohnya, faktor ini termasuk keadaan cuaca yang buruk, kekurangan tenaga kerja asing, kos makanan ternakan yang meningkat dan kos baja.

Peratusan barangan IHP (%)



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Sehubungan dengan itu, terdapat tekanan harga yang lebih meluas dalam kumpulan IHP yang diperhatikan sepanjang suku keempat. Khususnya, bahagian

barangan IHP yang mencatatkan kenaikan harga telah meningkat kepada 52% pada suku keempat 2021 (purata S3 2021: 27%; purata 2011-2019: 45%).

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik

Pasaran pekerja kembali kepada trajektori pemulihan pada suku keempat tahun 2021 berikutan kegiatan ekonomi yang kembali normal dan pemulihan keadaan permintaan. Kadar pengangguran terus menurun kepada 4.3% (S3 2021: 4.7%). Hal ini didorong oleh pemulihan guna tenaga yang lebih kukuh (+166 ribu orang) di samping pengembangan tenaga pekerja yang menggalakkan (+114 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga kerja meningkat kepada 68.7% daripada penduduk umur bekerja (S3 2021: 68.3%). Kadar guna tenaga tidak penuh juga bertambah baik (1.8% daripada tenaga pekerja; S3 2021: 2.0%), manakala jumlah penduduk luar tenaga pekerja berkurang kepada 7.36 juta orang (S3 2021: 7.43 juta orang). Angka ini menunjukkan bahawa pekerja kembali bekerja sepenuh masa dan kemasukan semula bersih tenaga pekerja.


Data tuntutan pengangguran daripada PERKESO menunjukkan bahawa pemberhentian pekerja menurun pada suku keempat (10,878 orang; S3 2021: 15,753 orang), manakala kadar penempatan pekerja dalam pekerjaan baharu turut meningkat (45 orang bagi setiap 100 orang yang diberhentikan; S3 2021: 31).³ Hal ini menandakan tahap pengambilan pekerja yang bertambah baik dalam ekonomi.

Upah sektor swasta⁴ juga meningkat pada suku keempat 2021, dengan pertumbuhan sebanyak 2.5% pada asas tahunan (S3 2021: -0.9%). Upah sektor perkilangan meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 4.7% (S3 2021: 2.3%), khususnya dalam subsektor E&E, makanan, minuman dan tembakau serta keluaran kayu dan pencetakan. Upah sektor perkhidmatan juga kembali pulih (1.2%; S3 2021: -2.6%), disokong

R12

Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah

Perubahan tahun ke tahun (%)



Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kepada kadar pertumbuhan gaji pekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

³ Kehilangan pekerjaan dan pemberhentian pekerja diwakili oleh jumlah individu yang memohon manfaat SIP (tuntutan pengangguran) akibat diberhentikan kerja. Kadar penempatan pula merujuk jumlah individu yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu di bawah program SIP bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja. Oleh itu, kadar penempatan menunjukkan kadar pengambilan pekerja berbanding dengan aktiviti pemberhentian pekerja. Data SIP tidak termasuk pekerja bukan standard yang mungkin terjejas dengan lebih ketara akibat sekatan pergerakan.


⁴ Upah sektor swasta merujuk jumlah upah dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

oleh pemulihan dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, kesihatan swasta serta pengangkutan dan penyimpanan. Pada asas suku

tahunan, upah sektor swasta terus menunjukkan trend yang bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 4.5% (S3 2021: 0.7%).

R13


Tuntutan Pengangguran dan Kadar Penempatan Pekerja




Nota: Tuntutan pengangguran merujuk bilangan penganggur yang memohon manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pekerjaan merujuk bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang diberhentikan kerja.

Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport kasar yang mantap disokong oleh permintaan luaran yang kukuh


Pada suku keempat tahun 2021, eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 29.0% (S3 2021: 15.8%), mencerminkan pengembangan yang menyeluruh merentas produk berikutan permintaan luaran yang kukuh. Import kasar meningkat sebanyak 29.6% (S3 2021: 21.0%), didorong oleh pengembangan import barangan perantaraan. Lebih dagangan⁵ meningkat kepada RM76.2 bilion (S3 2021: RM61.3 bilion).

Eksport perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 26.6% (S3 2021: 12.9%), didorong oleh pemulihan eksport E&E (20.6%,

S3 2021: -0.4%) dan eksport bukan E&E yang lebih kukuh (31.8%, S3 2021: 25.2%). Kekukuhan eksport bukan E&E tersebut disebabkan terutamanya oleh eksport produk petroleum dan kimia serta keluaran logam. Pertumbuhan eksport komoditi kekal mantap pada 45.0% (S3 2021: 36.7%) disokong terutamanya oleh eksport minyak sawit mentah, gas asli cecair dan minyak mentah berikutan harga komoditi yang teguh.

Import barangan perantaraan berkembang pada kadar yang lebih pantas sebanyak 36.2% (S3 2021: 28.0%) sejajar dengan eksport perkilangan yang terus berkembang. Pertumbuhan import modal terus kukuh pada kadar 22.6% (S3 2021: 22.7%), disokong oleh perbelanjaan pelaburan berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan.

⁵ Lebih barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan dalam pemilikan) dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa edisi ke-6 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Lebih akaun semasa lebih tinggi

Lebih akaun semasa dalamimbangan pembayaran meningkat kepada RM15.2 bilion, atau 3.6% daripada KDNK pada suku keempat (S3 2021: RM11.6 bilion atau 3.1% daripada KDNK). Lebih yang lebih tinggi ini disebabkan oleh lebih akaun barangan yang lebih besar.

Lebih barangan meningkat kepada RM51.8 bilion (S3 2021: RM41.2 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengembangan eksport perkilangan dan komoditi yang mantap berikutan permintaan


luaran yang kukuh. Akaun perkhidmatan secara amnya terus mencatatkan defisit (-RM15.5 bilion; S3 2021: -RM15.2 bilion) pada suku keempat.

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM19.7 bilion (S3 2021: -RM11.3 bilion). Defisit ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan yang terakru lebih tinggi kepada pelabur asing di Malaysia. Akaun pendapatan sekunder mencatatkan defisit meskipun semakin mengecil (-RM1.4 bilion; S3 2021: -RM3.1 bilion), mencerminkan terutamanya penerimaan wang tunai dari luar negara yang lebih tinggi.

R16
Pelaburan Langsung Mengikut Sektor
RM bilion


Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

R17
Pelaburan Portfolio
RM bilion


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM2.2 bilion (S3 2021: +RM22.8 bilion), apabila aliran keluar dalam akaun pelaburan lain lebih daripada mengimbangi aliran masuk dalam akaun pelaburan langsung dan akaun pelaburan portfolio. Akaun pelaburan langsung terus mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM9.7 bilion (S3 2021: +RM17.6 bilion), disokong terutamanya oleh aliran masuk bersih yang lebih besar dalam pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) sebanyak RM24.7 bilion (S3 2021: +RM12.8 bilion). Aliran masuk ini didorong oleh perolehan daripada pelaburan semula yang lebih tinggi (+RM14.4 bilion; S3 2021: +RM9.1 bilion) serta aliran masuk daripada instrumen hutang (+RM6.8 bilion; S3 2021: -RM2.6 bilion). Aliran masuk FDI bersih ini disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkilangan dan perlombongan serta subsektor perkhidmatan kewangan. Pelaburan langsung ke luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) bertukar arah untuk mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM15.0 bilion pada suku keempat (S3 2021: +RM4.7 bilion). Pelaburan langsung di luar negeri

ini disalurkan terutamanya ke dalam subsektor perkhidmatan kewangan.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM2.8 bilion (S3 2021: -RM4.3 bilion), disebabkan oleh aliran masuk bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin (+RM8.9 bilion; S3 2021: +RM0.9 bilion) ke dalam pasaran hutang domestik (+RM5.7 bilion; S3 2021: +RM1.4 bilion) serta pemerolehan sekuriti ekuiti domestik oleh bukan pemastautin (+RM3.2 bilion; S3 2021: -RM0.5 bilion). Aliran masuk portfolio bersih bukan pemastautin ini lebih daripada mengimbangi pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri yang lebih tinggi (-RM6.1 bilion; S3 2021: -RM5.2 bilion). Aliran keluar ini terus didorong oleh pelaburan ekuiti oleh pelabur institusi (-RM6.0 bilion, S3 2021: -RM6.6 bilion).

Akaun pelaburan lain bertukar arah untuk mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM14.0 bilion (S3 2021: +RM8.8 bilion). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman antara bank di luar negeri oleh sistem perbankan domestik serta penempatan deposit di luar negeri oleh entiti pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM10.2 bilion pada suku keempat atau -1.6% daripada jumlah perdagangan.



¹ Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran

² Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,070.3 bilion, atau 69.3% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2021 (akhir bulan September 2021: RM1,057 bilion atau 70.5% daripada KDNK). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pemegangan sekuriti hutang domestik Kerajaan oleh bukan pemastautin serta kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi. Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh kesan penilaian kadar pertukaran berikutan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan mata wang serantau dan mata wang utama terpilih pada suku keempat.


Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berikutan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang bersesuaian. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM372.9 bilion dan mencakupi 34.8% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan September 2021: 34.7%). Sebahagian besar daripadanya adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian sebanyak 68.4% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit dalam denominasi ringgit

(bahagian sebanyak 15.9%) dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti ini tidak dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY) mencakupi baki RM697.4 bilion, atau 65.2% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan September 2021: 65.3%). Sebanyak 53.2% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY melibatkan sektor korporat dan tertakluk terutamanya pada keperluan berhemat serta keperluan lindung nilai BNM. Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM196.1 bilion, mencakupi 28.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Ia diterbitkan terutamanya oleh syarikat bukan kewangan. Pinjaman antara syarikat berkaitan, yang mencakupi 15.0% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, secara umumnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 30.9% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Peningkatan sedikit peminjaman antara bank pada suku keempat mencerminkan

Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



¹ Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

transaksi peminjaman antara bank yang lebih tinggi oleh beberapa bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC). Dana ini diperolehi daripada ibu pejabat di luar negeri dan kemudiannya disalurkan kepada pelanggan bukan pemastautin, yang mencerminkan ciri-ciri urusan niaga 'out-out'. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh bayaran balik peminjaman antara bank yang matang oleh bank-bank LIBFC yang lain serta kumpulan perbankan domestik dalam persekitaran keadaan mudah tunai dan pendanaan yang stabil. Secara keseluruhan, kira-kira 80% daripada peminjaman antara bank terkumpul adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan daripada pihak berkaitan di luar negeri, yang lazimnya lebih stabil lantas mengehadkan risiko pelanjutan (*rollover risks*) yang dihadapi oleh institusi perbankan. Sementara itu, risiko mata wang asing bagi institusi perbankan, seperti yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY,⁶ kekal rendah pada 4.2% daripada jumlah modal institusi perbankan (akhir bulan September 2021: 4.9%).

Dari segi tempoh matang, 63.2% daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai tempoh jangka sederhana sehingga jangka panjang (akhir bulan September 2021: 63.1%), lantas mengehadkan risiko pelanjutan. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 36.8% daripada hutang luar negeri. Yang ketara, sebanyak 42.2% daripada hutang luar negeri jangka pendek adalah dalam bentuk peminjaman antara syarikat berkaitan daripada bank induk atau syarikat multinasional di luar negeri yang berkaitan. Kira-kira 15.4% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 31 Januari 2022, rizab antarabangsa berjumlah USD116.1 bilion yang memadai untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang jangka pendek. Rizab antarabangsa ini juga mencukupi untuk membiayai 6.4 bulan import barangan dan perkhidmatan, iaitu penunjuk kecukupan rizab baharu seperti yang diuraikan dalam rencana "Peluasan Ukuran Liputan Rizab Bagi Import – daripada Import Tertangguh kepada Import Barangan dan Perkhidmatan".

⁶ Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang merentas industri perbankan.


Peluasan Ukuran Liputan Rizab Bagi Import – daripada Import Tertangguh kepada Import Barangan dan Perkhidmatan

Salah satu penunjuk yang digunakan oleh Bank untuk mengukur kecukupan rizab antarabangsa ialah liputan rizab bagi import tertangguh,¹ yang disiarkan setiap dua minggu. Apabila ekonomi berkembang dengan bahagian sektor perkhidmatan yang lebih besar, keadaan ini telah meningkatkan kepentingan import perkhidmatan dalam pengukuran kecukupan rizab. Dengan mengambil kira perkara ini dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, laporan rizab antarabangsa Malaysia secara dwimingguan pada masa hadapan akan merangkumi penunjuk tentang liputan rizab bagi import barangan dan perkhidmatan, berkuat kuasa mulai 22 Februari 2022.²

R1

Perdagangan perkhidmatan

RM bilion



Nota: Data sebelum tahun 2005 adalah berdasarkan garis panduan dalam Edisi Kelima Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM5) IMF. Data bagi tahun 2005 dan selanjutnya adalah berdasarkan BPM6.

¹ Termasuk perbelanjaan perjalanan bagi aktiviti pelancongan.

² Termasuk pembinaan, caj penggunaan harta intelek, perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi.

³ Perkhidmatan perniagaan lain termasuk perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan, profesional, teknikal, berkaitan perdagangan dan perkhidmatan perniagaan lain.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pelaporan Bank berhubung dengan liputan rizab bagi import tertangguh telah diterbitkan seawal tahun 1990-an. Data bagi import tertangguh tersedia setiap bulan dan oleh itu sangat sepadan dengan siaran kedudukan rizab antarabangsa setiap dua minggu. Walau bagaimanapun, import tertangguh tidak merangkumi bayaran untuk perkhidmatan, yang telah berkembang sepanjang dua dekad yang lalu. Dari tahun 1999 hingga 2019, perdagangan perkhidmatan³ telah meningkat sebanyak 246.9%⁴ (Rajah 1). Hal ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti pelancongan yang lebih tinggi serta pembayaran untuk perkhidmatan pengangkutan asing bagi perdagangan barangan. Selain itu, import barangan juga berkembang, sebahagian besarnya bagi menyokong aktiviti pelaburan dalam negeri dan pengeluaran barangan perkilangan.

¹ Ditakrifkan sebagai import kasar ditolak dengan eksport semula. Import tertangguh purata 12 bulan boleh didapati daripada Sorotan Bulanan dan Statistik, Jadual 3.6.8 (Import oleh Pengguna Akhir; lihat Lampiran 1).

² Bagi kedudukan rizab antarabangsa pada 15 Februari 2022.

³ Ditakrifkan sebagai import ditambah dengan eksport.

⁴ Daripada RM101.3 bilion kepada RM351.3 bilion, atau kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (*compound annual growth rate, CAGR*) sebanyak 6.4%.

Prestasi Malaysia berhubung dengan penunjuk ini selaras dengan ekonomi serantau dan ekonomi yang setara.⁵ Data sebelum ini menunjukkan liputan rizab bagi import barangan dan perkhidmatan berada dalam julat antara lima hingga lapan bulan sejak tahun 2008. Paras ini jauh melebihi nilai ambang yang diterima pakai secara meluas iaitu tiga bulan. Hal ini menunjukkan keupayaan ekonomi Malaysia untuk bertahan daripada kejutan luaran.

Penting juga untuk ditekankan bahawa penilaian kecukupan rizab tidak seharusnya berdasarkan semata-mata nilai muka penunjuk-penunjuk ini. Penilaian ini perlu dilengkapi dengan pemahaman yang mendalam mengenai kedudukan luaran, sistem kewangan dan dasar ekonomi negara secara am. Khususnya, rizab antarabangsa bukan sahaja cara untuk memenuhi obligasi luaran.⁶ Penilaian semasa menunjukkan kedudukan luaran negara⁷ disokong oleh asas-asas ekonomi yang utuh termasuk lebihan akaun semasa yang kukuh, aset luaran mata wang asing yang besar yang dipegang oleh entiti dalam negeri⁸ dan kadar pertukaran ringgit yang fleksibel.

Rujukan

Department of Statistics, Malaysia. 'External Sector', Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.

Greenspan, A., 'Currency reserves and debt'. Remarks before the World Bank Conference on Recent Trends in Reserves Management, Washington, DC, 29 April 1999.

International Monetary Fund, (2016). 'Guidance Note on the Assessment of Reserve Adequacy and Related Considerations'.

Lampiran 1: Pengiraan liputan rizab antarabangsa bagi import tertangguh

$$\text{Import tertangguh purata 12 bulan} = \frac{\sum_{i=1}^{12 \text{ bulan}} \text{Import tertangguh setiap bulan}^a}{12 \text{ bulan}}$$

"Sebagai contoh, untuk mengira import tertangguh setiap bulan bagi bulan Disember 2019, import tertangguh bagi bulan Januari hingga Disember 2019 dicampurkan (iaitu import tertangguh bagi 12 bulan secara berturut-turut). Jumlah ini kemudiannya dibahagikan dengan 12, bagi mendapatkan purata bulanan. Angka-angka boleh didapati daripada Jadual 3.6.8, kolum S MHS yang dikeluarkan oleh BNM.

⁵ Berdasarkan JP Morgan's Government Bond Index for Emerging Markets.

⁶ Maklumat lanjut boleh didapati dalam rencana "Daya Tahan Malaysia dalam Mengurus Obligasi Hutang Luar Negeri dan Kecukupan Rizab Antarabangsa" dalam Laporan Tahunan BNM 2018.

⁷ Selain itu, turut diberikan penekanan ialah kedudukan hutang luar negeri Malaysia, termasuk hutang luar negeri jangka pendek, yang kekal terurus. Hal ini disokong oleh profil mata wang dan tempoh matang yang bersesuaian terhadap hutang luar negeri serta daya tahan keupayaan bayaran balik pinjaman oleh entiti dalam negeri. Hutang luar negeri dalam mata wang asing oleh syarikat-syarikat juga sebahagian besarnya tertakluk pada keperluan berhemat dan lindung nilai (rujuk penilaian terkini tentang perkembangan hutang luar negeri di halaman [xx])

⁸ Berjumlah RM1.1 trilion pada akhir tahun 2021.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan


- Kadar hasil bon meningkat sejajar dengan trend menaik kadar hasil bon global.
- Pasaran ekuiti bertambah baik dan ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS yang didorong oleh sentimen positif berikutan pembukaan semula ekonomi dalam negeri.
- Kadar pinjaman runcit kekal stabil meskipun kadar antara bank meningkat.
- Pertumbuhan pembiayaan bank lebih tinggi berikutan kegiatan ekonomi yang meningkat.

Keadaan kewangan domestik yang bertambah baik disebabkan oleh pembukaan semula ekonomi

Pada suku keempat 2021, sentimen pelabur pasaran bon terjejas akibat kebimbangan baharu berhubung dengan kesan varian Omicron terhadap ekonomi, inflasi yang meningkat secara berterusan di beberapa ekonomi di samping penyesuaian mudah tunai global yang menjadi semakin ketat lebih cepat daripada jangkaan. Semasa mesyuaratnya pada bulan Disember, Federal Open Market Committee (FOMC) AS mengumumkan akan mempercepat kadar pengurangan pembelian aset bersihnya berikutan inflasi yang tinggi dan pemulihan pasaran pekerja yang kukuh. Di samping itu, median unjuran kadar faedah jangka pendek (*dot plot*) FOMC menunjukkan sekurang-kurangnya tiga kenaikan kadar faedah pada tahun 2022, berbanding dengan unjuran median bulan September iaitu sekurang-kurangnya satu kenaikan. Kadar hasil bon global dan domestik meningkat apabila semua keluk kadar hasil MGS menaik. Kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menaik sebanyak 33.4, 21.7 dan 19.8 mata asas menjelang akhir suku tersebut.


R20

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



R21

Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

Ringgit menambah nilai dan FBM KLCI meningkat susulan pelonggaran langkah-langkah pembendungan COVID-19 dalam negeri berikutan usaha mempercepat pemberian vaksin penggalak COVID-19. Dalam pasaran pertukaran asing, ringgit menambah nilai sebanyak 0.3% berbanding dengan dolar AS (S3 2021: -0.8%), sejajar dengan pergerakan mata wang serantau. Selain itu,

harga komoditi yang lebih tinggi turut memberikan sokongan terhadap ringgit pada suku keempat 2021. FBM KLCI ditutup lebih tinggi sedikit pada 1,567.5 mata (+1.9%) pada akhir bulan Disember 2021 (akhir September: 1,537.8 mata). Hal ini berpunca daripada prestasi saham-saham perladangan (+3.5%), perkhidmatan kewangan (+2.4%) dan teknologi (+2.0%) yang positif pada suku keempat.

R22

Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg


Kadar pinjaman runcit kekal stabil meskipun kadar antara bank meningkat

Kadar faedah nominal pasaran borong meningkat pada suku keempat 2021. Kadar antara bank, khususnya bagi tempoh matang yang lebih panjang⁷, meningkat menjelang akhir suku keempat berikutan kecenderungan bank-bank terhadap pendanaan yang lebih stabil⁸. Khususnya, kadar tanda aras KLIBOR 3 bulan meningkat sebanyak 12 mata asas kepada 2.05% pada akhir suku keempat (S3 2021: 1.93%). Walau bagaimanapun, keadaan pasaran antara bank yang lebih ketat ini bersifat sementara apabila kadar antara bank telah pun menurun pada bulan Januari 2022.

Kadar pemberian pinjaman runcit kekal stabil sepanjang suku keempat. Kadar asas (*base rate*, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal tidak berubah masing-masing pada 2.43% dan 3.87%.


Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga stabil pada suku keempat merentas tempoh matang 1 hingga 12 bulan. Namun begitu, kadar FD benar⁹ menurun pada suku keempat, mencerminkan jangkaan inflasi yang lebih tinggi sementara kegiatan ekonomi terus kembali normal dalam keadaan persekitaran kos input yang tinggi.

R23 Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



- Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran
- Kadar Dasar Semalaman (OPR)
- KLIBOR 3 bulan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics



- Kadar deposit tetap (FD) benar 3 bulan
- Kadar deposit tetap (FD) benar 12 bulan

⁷ Merujuk kadar bagi tempoh matang melebihi 1 bulan.

⁸ Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh kecenderungan bank-bank untuk membina penampungan mudah tunai berjaga-jaga (*precautionary liquidity buffers*) berikutan jangkaan tentang pengeluaran deposit susulan berakhirnya pengecualian sedia ada bagi cukai terhadap pendapatan pelabur bukan individu dalam dana pasaran wang runcit pada 1 Januari 2022.

⁹ Kadar deposit benar dikira dengan mengambil perbezaan antara kadar deposit tetap nominal dengan jangkaan inflasi. Jangkaan inflasi diukur sebagai kadar jangkaan purata inflasi bagi tempoh 12 bulan yang akan datang (berdasarkan data daripada Consensus Economics). Pengukuran ini dianggarkan melalui kadar purata unjuran bagi kalendar tahun semasa dan kalendar bagi tahun hadapan, dengan wajaran diberikan mengikut bahagian mereka dalam tempoh unjuran 12 bulan tersebut. Kaedah pengukuran ini sebanding dengan penggunaan unjuran berdasarkan tempoh tetap seperti yang terdapat dalam penulisan akademik, termasuk oleh Doornik et al. (2012) dan Siklos (2013).


Mudah tunai sistem perbankan terus mencukupi bagi memudahkan pengantaraan kewangan

Mudah tunai dalam sistem perbankan terus mencukupi pada peringkat institusi dan keseluruhan sistem bagi memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di Bank adalah lebih tinggi

pada suku keempat berikutan operasi suntikan mudah tunai yang meningkat bagi memenuhi permintaan bank-bank terhadap penampungan mudah tunai berjaga-jaga menjelang akhir tahun. Pada peringkat institusi, hampir semua institusi perbankan mengekalkan kedudukan lebih mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan Disember 2021.

R24 Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)

RM bilion



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan bank lebih tinggi berikutan kegiatan ekonomi yang meningkat

Pembiayaan bersih meningkat pada kadar tahunan 4.7% pada akhir suku keempat 2021 (S3 2021: 3.9%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman terkumpul¹⁰ yang lebih tinggi (4.4%; S3 2021: 2.9%) dalam segmen perniagaan dan isi rumah apabila kegiatan ekonomi meningkat. Pemberian pinjaman bank terus disokong oleh keadaan pembiayaan yang akomodatif dan pelbagai langkah dasar¹¹ yang masih diteruskan. Sementara itu, pertumbuhan bon korporat¹² terkumpul menjadi sederhana kepada 5.5% (S3 2021: 6.5%) disebabkan oleh pertumbuhan penebusan bon mengatasi pertumbuhan terbitannya.

Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 4.2% (S3 2021: 3.2%) dengan pertumbuhan lebih tinggi merentas kebanyakan tujuan pinjaman susulan pelonggaran sekatan pergerakan. Hal ini dicerminkan oleh peningkatan yang ketara dalam permohonan pinjaman¹³ (RM170.8 bilion; S3 2021: RM114.1 bilion) dan


pengeluaran pinjaman (RM109.0 bilion; S3 2021: RM75.3 bilion), khususnya bagi pembelian rumah dan kenderaan penumpang. Pada asas tahunan, kedua-dua penunjuk ini turut mengalami pertumbuhan positif yang kukuh, iaitu pemulihan daripada penurunan yang diperhatikan pada suku ketiga.

Bagi segmen perniagaan, pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat kepada 4.8% (S3 2021: 2.4%). Hal ini didorong terutamanya oleh peningkatan pinjaman modal kerja¹⁴ (7.4%; S3 2021: 4.5%) yang terus menjadi pinjaman yang amat diperlukan oleh syarikat bagi mengurangkan jurang bayaran dan membiayai operasi mereka. Peningkatan ini turut dicerminkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi, bagi syarikat bukan PKS khususnya, yang terus menggunakan kemudahan kredit sedia ada untuk menguruskan keperluan aliran tunai mereka. Pertumbuhan pinjaman terkumpul berkaitan pelaburan¹⁴ turut mencatatkan sedikit peningkatan (1.4%; S3 2021: -0.1%) yang didorong oleh PKS. Mengikut sektor, peningkatan pertumbuhan pinjaman terkumpul didorong terutamanya oleh sektor perdagangan borong dan runcit, serta sektor perkilangan.

R25

Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

¹⁰ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

¹¹ Langkah-langkah dasar ini termasuk bantuan bayaran balik pinjaman, kemudahan pembiayaan untuk PKS, skim jaminan kredit, Kempen Pemilikan Rumah dan pelepasan cukai jualan bagi kenderaan baharu.

¹² Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

¹³ Pinjaman daripada sistem perbankan sahaja.

¹⁴ Klasifikasi pinjaman perniagaan berdasarkan tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan.

Halaman sengaja dikosongkan.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) pada 1.75% semasa mesyuarat MPC pada bulan November 2021 dan Januari 2022. MPC menyifatkan pendirian semasa dasar monetari adalah wajar dan akomodatif.
- Pendirian dasar monetari akan terus ditentukan oleh data baharu serta kesannya kepada prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Dasar monetari kekal akomodatif

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) pada bulan November 2021 dan Januari 2022, MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) pada 1.75%.

Pada mesyuarat terkini MPC pada bulan Januari, MPC menilai bahawa ekonomi global terus pulih, disokong oleh aktiviti perkilangan dan perdagangan. Keadaan pasaran pekerja juga telah bertambah baik di banyak negara. Walau bagaimanapun, beberapa negara melaksanakan semula langkah-langkah untuk mengekang penularan semula COVID-19 yang sedang berlaku. Hal ini menyebabkan kadar pemulihan aktiviti dalam negeri terutamanya perkhidmatan menjadi sederhana sedikit. Inflasi kekal tinggi di beberapa negara, didorong oleh faktor penawaran dan permintaan. Pada masa hadapan, liputan pemberian vaksin yang terus meningkat, kemajuan dalam keberkesanan vaksin dan ketersediaan rawatan antiviral akan membolehkan pandemik ditangani dengan lebih baik, lantas menyokong prospek pertumbuhan global. Prospek pertumbuhan global akan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian berhubung dengan kemunculan varian baharu yang membimbangkan, risiko gangguan bekalan global yang berlanjutan dan risiko volatiliti pasaran kewangan yang ketara berikutan pelarasan dasar monetari ekonomi utama.

Bagi Malaysia, penunjuk berfrekuensi tinggi yang terkini pada masa itu menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi kembali pulih pada suku keempat, sejajar dengan pelonggaran langkah-langkah pembendungan. Bagi tahun 2021, MPC telah menjangkakan pertumbuhan akan berada dalam julat unjuran 3% hingga 4%.

Momentum pertumbuhan dijangka semakin meningkat pada tahun 2022. Peningkatan ini dipacu oleh pengembangan permintaan global dan perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi berikutan pasaran pekerja yang bertambah baik dan sokongan dasar yang berterusan. Walau bagaimanapun, prospek risiko terhadap pertumbuhan terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan. Risiko-risiko ini mungkin muncul daripada pertumbuhan global yang lebih rendah daripada jangkaan, gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk dan kemunculan varian COVID-19 yang membimbangkan, serius dan kebal vaksin.

Pada mesyuarat MPC pada bulan Januari, inflasi keseluruhan diakui mencatatkan purata sebanyak 2.3% dari bulan Januari hingga November 2021. Bagi tahun 2022, purata inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana apabila kesan asas daripada inflasi bahan api ini luput. Inflasi asas,

seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka meningkat sedikit apabila kegiatan ekonomi kembali normal dalam keadaan persekitaran kos yang tinggi. Walau bagaimanapun, inflasi teras dijangka sederhana dengan risiko pertumbuhan menjadi semakin tinggi dibendung oleh keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi dan dalam pasaran pekerja. Namun begitu, prospek terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi global berikutan risiko daripada gangguan berkaitan bekalan yang berlanjutan.

MPC menyifatkan pendirian semasa dasar monetari adalah wajar dan akomodatif. Langkah-langkah fiskal dan kewangan akan terus mengurangkan kesan ekonomi terhadap perniagaan dan isi rumah serta memberikan sokongan kepada kegiatan ekonomi. Pendirian dasar monetari akan terus ditentukan oleh data baharu serta kesannya kepada prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Sorotan dasar lain pada suku keempat 2021

Sorotan dasar	Butiran penting
Dokumen Dasar berhubung dengan Kod Tatakelakuan untuk Pasaran Kewangan Borong Malaysia	- Dokumen Dasar yang diterbitkan pada 31 Disember 2021 menggariskan keperluan yang perlu diperhatikan oleh peserta pasaran dalam pasaran kewangan borong (pasaran wang dan pasaran pertukaran mata wang asing, termasuk pasaran derivatif di kaunter untuk kadar faedah dan kadar pertukaran). - Dokumen Dasar ini menetapkan- - keperluan kelayakan bagi peniaga dan broker; - keperluan amalan pasaran dan pengawalan dalaman bagi melindungi integriti pasaran kewangan borong; dan - peranan persatuan-persatuan industri dalam memelihara integriti pasaran.
Draf Dedahan berhubung dengan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario	- Draf Dedahan yang diterbitkan pada 27 Disember 2021 menetapkan cadangan keperluan berhubung dengan pengurusan risiko iklim dan analisis senario. - Cadangan keperluan tersebut bermatlamat untuk- - memastikan institusi kewangan mengukuhkan pengurusan risiko kewangan yang disebabkan oleh perubahan iklim; - meningkatkan daya tahan sektor kewangan terhadap risiko berkaitan iklim; dan - membantu peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon. - Draf Dedahan ini melengkapi Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-Based Taxonomy, CCPT), Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) serta Panduan Sektor VBIAF.
Draf Dedahan berhubung dengan Rangka Kerja Kad Pembayaran	- Draf Dedahan yang diterbitkan pada 24 Disember 2021 menetapkan cadangan langkah-langkah untuk memupuk industri kad pembayaran yang selamat, cekap dan telus serta memastikan kos penerimaan kad pembayaran adalah adil dan berpatutan, dengan itu menggalakkan penerimaan dan penggunaan kad pembayaran yang lebih meluas. - Langkah-langkah tersebut termasuk- - semakan ke atas fi pertukaran kadar tertinggi bagi mencerminkan kos asas terkini; dan - langkah-langkah memperkasa peniaga bagi mengurus kos penerimaan kad pembayaran mereka dan menangani gangguan dan kesukaran lain dalam pasaran kad pembayaran.
Dokumen Dasar berhubung dengan Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Penzahiran yang Dibenarkan	- Dokumen Dasar yang diterbitkan pada 12 Oktober 2021 menetapkan keperluan bagi penyedia perkhidmatan kewangan berhubung dengan pengendalian maklumat pelanggan sepanjang kitaran hayat maklumat. Hal ini termasuk pengumpulan, penyimpanan, penggunaan, penyampaian, perkongsian, penzahiran dan pelupusan maklumat pelanggan. - Dokumen Dasar ini memperkenalkan perubahan yang berikut: - Definisi penyedia perkhidmatan kewangan yang diperluaskan - Syarat baharu bagi penzahiran yang dibenarkan, terutamanya bagi kes-kes arahan atau permintaan yang dibuat oleh Polis Diraja Malaysia

Halaman sengaja dikosongkan.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- Pertumbuhan global dijangka menjadi sederhana pada tahun 2022.
- Ekonomi Malaysia terus berada pada landasan pemulihan pada tahun 2022.
- Inflasi keseluruhan diunjurkan sederhana pada tahun 2022, manakala inflasi teras juga dijangka sederhana.

Pertumbuhan global lebih perlahan bagi tahun 2022

Dalam kemas kini *World Economic Outlook* (WEO) pada bulan Januari, IMF mengekalkan unjuran pertumbuhan globalnya pada 5.9% bagi tahun 2021. Aktiviti perkhidmatan terjejas menjelang akhir tahun disebabkan oleh penularan semula kes COVID-19, berikutan kemunculan varian Omicron. Aktiviti perkilangan dan perdagangan berterusan meskipun pengeluaran mengalami kekangan akibat sesakan logistik dan kekurangan bahan.

Bagi tahun 2022, IMF membuat unjuran bahawa ekonomi global akan terus pulih, tetapi pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.4% (WEO Oktober: 4.9%). Walau bagaimanapun, kadar ini kekal di atas paras purata pertumbuhan jangka panjang (2011-2018: 3.6%). Hal ini mencerminkan semakin menurun (*downward revisions*) terutamanya bagi AS dan China. Prospek ekonomi global akan terus terjejas akibat peningkatan kes COVID-19 baru-baru ini. Dengan keberkesanan vaksin yang berkurang dan kemunculan varian baharu yang membimbangkan, pelaksanaan pemberian vaksin penggalak dan ketersediaan rawatan antivirus merupakan faktor penting bagi meredakan tekanan terhadap sistem penjagaan kesihatan dan meminimumkan gangguan terhadap kegiatan ekonomi. Di samping itu, prospek pertumbuhan dijangka terjejas akibat gangguan bekalan yang berterusan. Namun begitu, keadaan ini dijangka mereda pada masa hadapan. Bagi China, tahap kebergantungannya yang berterusan pada langkah-langkah pembendungan COVID-19 yang ketat akan mengekang pertumbuhan. Prospek pertumbuhan bagi ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun juga akan terjejas akibat keadaan kewangan global yang semakin ketat berikutan

dasar monetari yang lebih ketat di ekonomi-ekonomi maju disebabkan oleh kebimbangan tentang inflasi yang meningkat.

Imbangan risiko terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan. COVID-19 kekal menjadi punca utama risiko, terutamanya dengan kemunculan varian baharu yang menyebabkan vaksin sedia ada menjadi kurang berkesan. Wujud juga risiko peningkatan semula gangguan bekalan global yang mengakibatkan tekanan harga yang lebih tinggi dan pengembalian dasar monetari ke paras wajar yang lebih cepat daripada jangkaan di ekonomi-ekonomi maju. Sebaliknya, potensi pertumbuhan yang lebih pantas boleh berpunca daripada pelaksanaan pemberian dos penggalak dan rawatan antivirus yang lebih cepat daripada jangkaan, terutamanya di ekonomi-ekonomi sedang pesat membangun.

Ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pemulihan sejajar dengan permintaan global yang terus berkembang dan perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi

Pada tahun 2022, ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pemulihannya. Pertumbuhan akan disokong oleh permintaan global yang terus berkembang dan perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan sokongan dasar yang berterusan. Tambahan lagi, penerusan projek pelaburan besar dalam sektor swasta dan sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh faktor luaran dan dalam negeri. Hal ini termasuk pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk dan kemunculan varian COVID-19 yang membimbangkan dan kebal vaksin.

Inflasi keseluruhan diunjurkan sederhana pada tahun 2022, manakala inflasi teras juga dijangka sederhana

Sejajar dengan penilaian sebelum ini, purata inflasi keseluruhan lebih tinggi pada tahun 2021 iaitu 2.5% (-1.2% pada tahun 2020), disebabkan terutamanya oleh faktor tolakan kos harga minyak dunia yang lebih tinggi. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menjadi sederhana kepada 0.7% (1.1% pada tahun 2020).

Bagi tahun 2022, purata inflasi keseluruhan dijangka kekal sederhana apabila kesan asas daripada inflasi bahan api luput. Inflasi teras dijangka meningkat sedikit apabila kegiatan ekonomi kembali normal dalam keadaan persekitaran kos input yang tinggi. Walau bagaimanapun, inflasi teras dijangka sederhana dengan risiko pertumbuhan menjadi semakin tinggi dibendung oleh keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi dan dalam pasaran pekerja. Namun begitu, prospek terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi global berikutan risiko daripada gangguan berkaitan bekalan yang berlarutan.

Tambahan



	Bahagian 2021 (%)	2020		2021				
		S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Pertumbuhan tahunan (%)						
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.7	-4.5	-5.8	-1.0	12.4	-4.1	2.3	1.9
Sektor swasta	74.3	-4.0	-6.0	-0.9	13.0	-4.4	2.4	2.0
Penggunaan	58.8	-3.5	-4.3	-1.5	11.7	-4.2	3.7	1.9
Pelaburan	15.6	-6.6	-11.9	1.3	17.4	-4.8	-3.0	2.6
Sektor awam	18.3	-5.7	-4.7	-1.5	9.7	-2.8	1.9	1.6
Penggunaan	13.8	2.4	3.9	5.9	9.0	8.1	4.3	6.6
Pelaburan	4.5	-20.4	-21.3	-18.6	12.0	-28.9	-3.8	-11.4
Eksport Bersih	6.0	10.0	-13.0	0.8	34.3	-37.5	2.6	-5.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	69.2	-2.1	-8.9	11.9	37.4	5.1	13.3	15.9
Import Barangan dan Perkhidmatan	63.2	-3.3	-8.4	13.0	37.6	11.7	14.6	18.5
KDNK Benar	100.0	-3.4	-5.6	-0.5	16.1	-4.5	3.6	3.1
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	-1.5	-	2.7	-1.9	-3.6	6.6	-

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

	Bahagian 2021 (%)	2020					2021				
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3	S4	Tahun
		Pertumbuhan tahunan (%)									
Perkhidmatan	57.0	3.1	-16.2	-4.0	-4.8	-5.5	-2.3	13.5	-4.9	3.2	1.9
Perkilangan	24.3	1.4	-18.3	3.3	3.0	-2.6	6.6	26.6	-0.8	9.1	9.5
Pertanian	7.2	-8.6	0.9	-0.3	-1.0	-2.2	0.2	-1.5	-1.9	2.8	-0.2
Perlombongan	6.7	-2.9	-20.8	-7.8	-10.4	-10.6	-5.0	13.9	-3.6	-0.9	0.7
Pembinaan	3.7	-7.9	-44.5	-12.4	-13.9	-19.4	-10.4	40.3	-20.6	-12.2	-5.2
KDNK Benar	100.0	0.7	-17.2	-2.7	-3.4	-5.6	-0.5	16.1	-4.5	3.6	3.1

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

	2020		2021		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	18.6	60.0	11.6	15.2	53.5
(% daripada KDNK)	4.9	4.2	3.1	3.6	3.5
Barangan	42.6	138.7	41.2	51.8	170.2
Perkhidmatan	-14.0	-47.4	-15.2	-15.5	-61.1
Pendapatan primer	-7.2	-28.6	-11.3	-19.7	-46.2
Pendapatan sekunder	-2.7	-2.7	-3.1	-1.4	-9.5
Akaun Kewangan	-10.2	-76.2	22.8	-2.2	29.7
Pelaburan langsung	1.6	2.8	17.6	9.7	32.9
Aset	-4.2	-15.2	-4.7	-17.8	-40.3
Liabiliti	5.8	18.0	22.2	27.5	73.1
Pelaburan portfolio	-7.1	-48.2	-4.3	2.8	18.9
Aset	-19.9	-59.3	-5.2	-6.1	-36.2
Liabiliti	12.8	11.1	0.9	8.9	55.0
Derivatif kewangan	-0.9	0.4	0.7	-0.6	-0.2
Pelaburan lain	-3.7	-31.1	8.8	-14.0	-21.9
Kesilapan dan ketinggalan bersih ²	-11.0	-2.7	-13.0	-10.2	-36.7
Imbangan Keseluruhan	-2.6	-19.3	21.3	2.5	45.6

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

² Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

	2020	2021	
	akhir Dis	akhir Sep	akhir Dis
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	958.1	1,057.0	1,070.3
<i>Bersamaan USD bilion</i>	235.5	252.3	257.0
Mengikut instrumen			
Bon dan nota ¹	172.7	200.4	197.2
Peminjaman antara bank ¹	182.1	176.1	176.7
Pinjaman antara syarikat berkaitan ¹	128.3	140.2	144.2
Pinjaman ¹	76.5	76.0	73.7
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	220.1	248.9	255.1
Deposit bukan pemastautin	94.5	96.4	99.9
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	7.8	28.6	28.1
Lain-lain ²	76.2	90.5	95.3
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	590.7	666.5	676.1
Jangka pendek	367.5	390.5	394.2
Denominasi mata wang			
Ringgit	324.7	367.1	372.9
Asing	633.4	689.9	697.4
Jumlah hutang / KDNK (%)	67.6	70.5	69.3
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	38.4	36.9	36.8
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.2	1.2	1.2 ³

¹ Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.

² Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain.

³ Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Januari 2022.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

	2020		2021			2020		2021		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	24.0	113.5	29.3	47.5	126.2	4.4	4.4	3.9	4.7	4.7
Terkumpul:										
Pinjaman ^{1,2}	7.6	70.6	18.6	37.4	87.8	3.7	3.7	2.9	4.4	4.4
Perusahaan perniagaan	-4.0	6.0	3.8	12.2	32.6	0.9	0.9	2.4	4.8	4.8
PKS ³	1.0	26.7	4.7	6.3	14.9	9.6	9.6	3.2	4.9	4.9
Bukan PKS	-5.0	-20.7	-0.9	6.0	17.7	-5.2	-5.2	1.8	4.7	4.7
Isi rumah	14.4	60.3	10.6	27.3	50.0	5.4	5.4	3.2	4.2	4.2
Bon korporat ⁴	16.4	42.9	10.7	10.1	38.5	6.5	6.5	6.5	5.5	5.5

¹ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

³ Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan. Antara bulan Januari 2018 hingga bulan Disember 2019, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Sebanyak RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.

⁴ Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021			2020		2021		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman ¹	224.3	823.8	200.6	263.9	928.2	-0.5	-6.2	-14.4	17.6	12.7
Kelulusan pinjaman ¹	102.0	353.6	89.2	117.1	394.9	-1.2	-13.8	-9.0	14.8	11.7
Pengeluaran pinjaman ²	331.4	1213.1	356.8	417.6	1492.8	-1.0	-5.3	17.5	26.0	23.1
Bayaran balik pinjaman ²	332.8	1194.0	353.9	392.4	1468.5	2.7	-6.4	23.7	17.9	23.0
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan³										
Permohonan pinjaman	82.8	355.2	86.4	93.1	351.6	-22.2	-11.6	3.6	12.5	-1.0
Kelulusan pinjaman	42.4	164.0	46.7	51.3	172.4	-14.6	-14.5	21.8	20.9	5.1
Pengeluaran pinjaman	231.9	867.6	281.5	308.7	1131.9	-2.0	-4.1	37.6	33.1	30.5
Bayaran balik pinjaman	238.2	869.2	276.8	302.2	1114.4	3.1	-4.3	31.9	26.8	28.2
PKS⁴										
Permohonan pinjaman	43.7	181.0	38.4	46.4	171.2	-14.3	-7.4	-8.7	6.1	-5.4
Kelulusan pinjaman	17.8	61.9	15.2	19.7	67.9	-0.6	-8.1	1.3	10.9	9.6
Pengeluaran pinjaman	73.3	256.8	73.7	84.5	312.2	3.2	-13.2	15.8	15.3	21.6
Bayaran balik pinjaman	71.8	244.0	72.2	78.5	301.8	-3.7	-19.3	30.7	9.4	23.7
Bukan PKS³										
Permohonan pinjaman	39.0	174.2	48.0	46.7	180.4	-29.5	-15.6	16.1	19.5	3.6
Kelulusan pinjaman	24.6	102.0	31.4	31.5	104.5	-22.5	-18.0	35.1	28.1	2.4
Pengeluaran pinjaman	158.7	610.8	207.8	224.2	819.7	-4.2	0.3	47.5	41.3	34.2
Bayaran balik pinjaman	166.4	625.1	204.6	223.6	812.5	6.3	3.2	32.3	34.4	30.0
Isi Rumah										
Permohonan pinjaman	141.6	468.6	114.1	170.8	576.6	18.8	-1.7	-24.4	20.6	23.0
Kelulusan pinjaman	59.6	189.6	42.5	65.9	222.6	11.2	-13.3	-28.7	10.5	17.4
Pengeluaran pinjaman	99.5	345.5	75.3	109.0	360.9	1.3	-8.0	-24.0	9.5	4.5
Bayaran balik pinjaman	94.6	324.9	77.1	90.2	354.1	1.8	-11.5	1.2	-4.6	9.0

¹ Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.

² Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.

³ Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.

⁴ Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020				2021			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4 ^a
Pulangan atas ekuiti (%) ¹	10.0	8.8	9.1	8.4	8.2	9.7	9.4	9.6
Pulangan atas aset (%) ¹	1.2	1.0	1.1	1.0	0.9	1.1	1.1	1.1
	RM juta							
Pendapatan faedah bersih	12,696	9,936	13,639	13,903	14,175	14,630	13,711	14,616
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,583	2,308	2,851	3,154	3,189	2,880	2,861	3,116
Tolak: Kos operasi ²	8,607	8,189	8,460	8,828	11,442	8,998	8,776	9,362
Keuntungan operasi kasar	6,672	4,054	8,030	8,229	5,922	8,511	7,796	8,370
Tolak: Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	2,763	2,401	3,275	5,930	1,543	2,155	2,689	1,781
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	3,908	1,653	4,755	2,299	4,379	6,357	5,107	6,589
Campur: Pendapatan lain ¹	4,382	4,738	3,593	3,145	2,719	3,231	2,677	2,368
Untung sebelum cukai¹	8,290	6,391	8,348	5,444	7,098	9,587	7,784	8,957
	Pertumbuhan tahunan (%)							
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan) ¹	-1.4	-3.3	-3.1	-3.8	-1.7	0.9	0.3	1.2
Pulangan atas aset (mata peratusan) ¹	-0.13	-0.36	-0.35	-0.42	-0.21	0.10	0.03	0.13
Pendapatan faedah bersih	2.1	-17.3	7.4	6.0	11.6	47.2	0.5	5.1
Campur: Pendapatan berasaskan fi	1.3	-11.9	6.8	-2.5	23.5	24.8	0.3	-1.2
Tolak: Kos operasi ²	2.7	-2.8	-1.9	-3.5	32.9	9.9	3.7	6.1
Keuntungan operasi kasar	1.1	-34.7	19.1	14.3	-11.2	109.9	-2.9	1.7
Tolak: Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	1,583.6	645.4	299.4	15,627.1 ⁴	-44.1	-10.3	-17.9	-70.0
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	-39.3	-71.9	-19.7	-67.9	12.0	284.5	7.4	186.6
Campur: Pendapatan lain ¹	79.1	11.6	-15.3	21.3	-37.9	-31.8	-25.5	-24.7
Untung sebelum cukai¹	-6.7	-36.9	-17.9	-44.2	-14.4	50.0	-6.8	64.5

¹ Keuntungan sistem perbankan diagregat pada peringkat entiti. Mulai tahun 2019, hasil teragregat kemudiannya diselaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Pelarasan ini dicatatkan dalam bahagian 'Pendapatan lain'. Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.

² Merujuk kos kakitangan dan overhead.

³ Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

⁴ Mencerminkan i) peningkatan yang ketara dalam peruntukan berjaga-jaga (*precautionary provisions*) yang dipegang oleh bank-bank berikutan prospek ekonomi yang terus tidak menentu; dan ii) kesan asas daripada kos kredit pada suku keempat tahun 2019 yang nyata lebih rendah disebabkan oleh tulis balik (*writebacks*) dan pemulihan pinjaman (*recoveries*) yang lebih tinggi. Nisbah pinjaman terjejas bersih (pinjaman terjejas selepas ditolak peruntukan) secara amnya kekal tidak berubah berbanding dengan tahun sebelumnya pada 1.0%, manakala nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman meningkat kepada 1.7% pada bulan Disember 2020 (Disember 2019: 1.3%). Sila rujuk Perangkaan Bulanan BNM untuk butiran lanjut.

^a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020	2021			
	S4	S1	S2	S3	S4 ^a
RM juta					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	9,313	-630	4,314	5,129	3,755
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	912	710	1,076	928	349
Nisbah tuntutan (%)	52	55	51	52	60
Pertumbuhan tahunan (%)					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	141.3	94.6	-73.6	-36.1	-59.7
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	25.0	30.2	-6.7	21.5	-61.8
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-6.3	-4.7	-1.6	-3.8	8.0

^a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021 ^a		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	77.0	225.1	51.5	75.9	233.8
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	10.2	-14.9	10.9	-1.5	3.8
Perbelanjaan mengurus	53.7	224.6	50.7	63.5	231.5
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-23.0	-14.7	-11.0	18.1	3.1
Akaun semasa	23.3	0.5	0.8	12.4	2.2
Perbelanjaan pembangunan bersih	20.2	50.1	22.1	13.3	63.3
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	3.1	-4.8	82.5	-34.3	26.3
Kumpulan Wang COVID-19 ²	10.4	38.0	5.0	14.3	37.7
Imbangan keseluruhan	-7.3	-87.6	-26.3	-15.1	-98.8
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	84.3	312.7	77.8	91.0	332.5
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-5.7	-1.0	5.1	8.0	6.3
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	879.6	879.6	969.3	979.8	979.8
Hutang Dalam Negeri	649.8	649.8	708.5	714.0	714.0
Hutang Luar Negeri	229.8	229.8	260.8	265.9	265.9
<i>Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin</i>	206.1	206.1	234.9	240.4	240.4
<i>Peminjaman luar pesisir</i>	23.7	23.7	26.0	25.5	25.5

^a Awalan

Nota:

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

² Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia